



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000
Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.3 (14)

Tarikh : 22 September 2023

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN PENUTUPAN AKAUN BULANAN BAGI BULAN SEPTEMBER 2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan buletin Jabatan ini rujukan ANM.PHG.600-15/2/85 JLD.2(08) bertarikh 13 Januari 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan penutupan akaun bulanan bagi bulan September 2023, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan JANM Negeri Pahang hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :

2.1 ARAHAN PEMBAYARAN

- (i) Sila pastikan dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **PERAKUAN 2** selewat-lewatnya jam **12.00 TENGAH HARI** pada **29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan bermula 1 Oktober 2023 (Ahad);
- (ii) PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103(a);
- (iii) Sekiranya **GAGAL** mematuhi arahan seperti di para 2.1 (i), sila kemukakan **SURAT TUNJUK SEBAB** dan salinan diemelkan ke bayaran_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 6 Oktober 2023**.

2.2 TERIMAAN

- (i) Sila pastikan semua kutipan sebelum atau pada **29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)** telah dibankkan **selewat-lewatnya jam 3.00 petang** seperti ditetapkan AP78;
- (ii) Manakala bagi kutipan lewat pada 29 SEPTEMBER 2023 yang tidak sempat dibankkan serta kutipan pada 30 SEPTEMBER, **WAJIB** disediakan RESIT dan dibuat **SERAHAN WANG selewat-lewatnya pada 30 SEPTEMBER 2023 (SABTU)** sebelum **jam 11.59 MALAM**;

(iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.2 (i) dan (ii), sila kemukakan **SURAT TUNJUK SEBAB** dan salinan diemelkan ke terimaan_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 6 Oktober 2023.**

3. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan proses penutupan akaun bulanan berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang